

Telephone: Brunei Students Unit
(020 7402 0045)
Brunei Hall
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



اوپنيت فنونوت ووتز بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 - 43 Norfolk Square
London W2 1RX

**SURAT PERMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT
BIL 28/2019**

**KEPADA: SEMUA PELAJAR BIASISWA KERAJAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
DI UNITED KINGDOM DAN IRELAND**

**PER: KENAIKAN ELAUN SARA HIDUP BAGI PELAJAR BIASISWA KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA DI UNITED KINGDOM DAN IRELAND**

Dengan hormat sukacita merujuk surat memorandum daripada Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bilangan:JPI/PK4(C)UB/43/2013 bertarikh 1 Zulkaedah 1440H bersamaan 4 Julai 2019 mengenai perkara diatas.

Oleh yang demikian, pembayaran bagi kenaikan ini akan dilaksanakan pada 1 Ogos 2019 manakala elaun bagi bulan Januari 2019 akan dibuat secara kebelakangan (*arrears backdated*).

Dalam perkara ini, Unit Penuntut-Penuntut ingin mengingatkan dan menasihatkan para pelajar agar menghargai usaha pihak kerajaan menaikkan elaun sara hidup tersebut dan menggunakannya dengan bijak dan berhemah dan bukannya untuk perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah atau manfaat seperti jua dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Disamping itu, para pelajar perlu kekal memiliki semangat patriotisme, termasuk tidak mungkir janji untuk berkhidmat kepada negara setelah tamat pengajian nanti.

Sekian disampaikan.

Wassalam.

Mensyukuri Kepimpinan Raja Yang Laila Adil dan Saksama

RAHIMAH HAJI MOHIDDIN
Pemangku Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut, London
United Kingdom

Rujukan: BSU E/5/ Pt. XIV
Tarikh : 05 Zulkaedah 1440/ 08 Julai 2019